

HADIAH

PERTAMA RM2000.00 dan sijil penghargaan

KEDUA RM1500.00 dan sijil penghargaan


KETIGA/KEEMPAT RM1000.00 dan sijil penghargaan

PENGHUJAH TERBAIK RM200.00 dan sijil penghargaan

* setiap peserta akan diberikan sijil penghargaan

YURAN PENYERTAAN

Yuran penyertaan sebanyak **RM300.00** hendaklah dibayar sebelum atau pada **30 September 2019** melalui:



◆ Pindahan Dana Elektronik (EFT)

Nombor akaun : 1402 3010 0180 02
Nama bank : Bank Islam Malaysia Berhad
Nama akaun : Dewan Bahasa dan Pustaka

◆ Cek atas nama Dewan Bahasa dan Pustaka

◆ Borang penyertaan berserta bukti pembayaran hendaklah dihantar kepada:

areej@iium.edu.my (Kategori A)

shegi@malaysianbar.org.my (Kategori B)

atau

Faksimile: 03-6196 4854 (Kategori A)

03-2032 2043 (Kategori B)

BORANG PENYERTAAN

NAMA INSTITUSI/BADAN PEGUAM NEGERI:

NAMA AHLI

NO. KAD PENGENALAN

NO. BAR

NAMA AHLI	NO. KAD PENGENALAN	NO. BAR

NAMA PEGAWAI PENGIRING/KETUA PASUKAN:

ALAMAT SURAT-MENYURAT:

NO. TELEFON
KETUA PASUKAN

ALAMAT E-MEL
KETUA PASUKAN

*Mana-mana pasukan yang menarik diri selepas tarikh tutup penyertaan tidak akan dikembalikan wang penyertaannya.

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Dr. Areej: 03-6196 4308 (UIAM)

Shagela: 03-2050 2099 (MPM)

Rafiq: 03-2147 9207 (DBP)



**PERTANDINGAN
PENGHUJAHAN
MAHKAMAH
PERINGKAT
KEBANGSAAN
2019**

**16-17 NOVEMBER 2019
KULLIYAH UNDANG-UNDANG
AHMAD IBRAHIM,
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
MALAYSIA**



LATAR BELAKANG

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia telah diperuntukkan dengan jelas di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai undang-undang utama Negara, Perlembagaan menjadi tonggak dan kayu ukur bagi semua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, Dewan-dewan Undangan Negeri dan segala dasar kerajaan.

Penggunaan bahasa kebangsaan di mahkamah telah ditegur oleh pelbagai pihak sebagai tidak memuaskan. Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim pernah menyatakan bahawa penggunaan bahasa di mahkamah tidak sempurna kerana bercampur antara bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris.

Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan Pindaan (1990) memeruntukkan bahawa:

“Segala prosiding (melainkan keterangan yang diberi oleh saksi) dalam Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dijalankan dalam bahasa kebangsaan”.

Susulan daripada itu, Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah agensi perancangan bahasa yang unggul mengambil inisiatif untuk melaksanakan Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan sebagai usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang perundangan dan kehakiman negara. Acara yang sebelum ini dikenali sebagai Perbicaraan Mahkamah Dlok-dlok telah memasuki tahun keempat penganjurannya.

OBJEKTIF

- ◆ Memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam bidang kehakiman dan undang-undang di negara ini.
- ◆ Meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan peguam muda, pelatih dalam kamar dan pelajar undang-undang Universiti Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta.
- ◆ Memberi ruang kepada peserta untuk berhujah berdasarkan fakta yang tepat dan betul dengan menggunakan bahasa kebangsaan.

TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN

- ◆ Secara umumnya, perbicaraan akan diadili dari aspek bahasa (40%), pengendalian perbicaraan (30%) dan isi (30%). Memandangkan pertandingan ini ialah pertandingan perbicaraan dalam bahasa Melayu, maka fokus utama pemarkahan adalah penggunaan istilah undang-undang dalam bahasa Melayu.

KATEGORI

Pertandingan terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

Kategori A

- ◆ Terbuka kepada semua pelajar prasiswazah undang-undang institusi awam atau swasta.
- ◆ Setiap institusi dihadkan menghantar maksimum **dua (2) pasukan** sahaja.
- ◆ Terhad kepada 16 pasukan terawal mendaftar sahaja.

Kategori B

- ◆ Terbuka kepada pelatih dalam kamar (pupil in chambers) dan peguam muda (maksimum dua tahun pengalaman).
- ◆ Setiap Badan Peguam Negeri dihadkan menghantar **dua (2) pasukan** sahaja.
- ◆ Terhad kepada 12 pasukan terawal mendaftar sahaja.
- ◆ Tiga (3) mata kredit Skim Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) akan diberikan kepada setiap peserta. Kod CPD: T3/1617112019/BC/SLG193497/4.

TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh Buka Penyertaan	15 Ogos 2019
Tarikh Tutup Penyertaan	30 September 2019
Tarikh Soalan Dikeluarkan	4 Oktober 2019
Tarikh Tutup Pertanyaan	11 Oktober 2019
Tarikh Pengundian Kumpulan	11 Oktober 2019
Tarikh Pertandingan	16-17 November 2019

*Sebarang pertanyaan tentang soalan pertandingan hendaklah di e-melkan kepada areej@iium.edu.my